

தொடரும் **KEKAL** 坚守希望 **HARAPAN**



MANIFESTO PAKATAN HARAPAN
NEGERI SEMBILAN 2026

Diterbit dan dicetak oleh Pakatan Harapan
Merchant Square, A-1-09, Jalan Tropicana Selatan 1, 47410 Petaling Jaya, Selangor

HARAPAN



NEGERI SEMBILAN MAJU 2045



Pakatan Harapan komited untuk meneruskan agenda pembangunan Negeri Sembilan yang stabil, progresif dan inklusif. Manifesto ini berpaksikan keperluan rakyat, pertumbuhan ekonomi yang mampan, peluang pekerjaan berkualiti, kebajikan yang menyeluruh serta pembangunan yang seimbang untuk seluruh lapisan masyarakat.

Sepanjang mentadbir Negeri Sembilan, Pakatan Harapan telah membuktikan bahawa kerajaan yang stabil mampu membawa kemajuan yang nyata. Negeri Sembilan berjaya mencatat rekod pelaburan tertinggi dalam sejarah negeri, mewujudkan ribuan peluang pekerjaan baharu, memperkukuh jaringan kebajikan rakyat, memperkasakan institusi pendidikan, memperluaskan pembangunan infrastruktur serta mengekalkan kedudukan kewangan negeri yang kukuh.

Pakatan Harapan juga komited untuk menyemarakkan syiar Islam sebagai agama Persekutuan, memperkukuh institusi Islam negeri, memperkasakan pembangunan ummah, serta pada masa yang sama mempertahankan keharmonian masyarakat majmuk, kebebasan beragama dan perpaduan rakyat sebagaimana yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

Manifesto ini bukan sekadar menawarkan janji, tetapi merupakan kesinambungan kepada dasar yang telah terbukti berjaya dilaksanakan serta hala tuju baharu bagi membawa Negeri Sembilan menjadi sebuah negeri yang lebih maju, berdaya saing, mampan dan inklusif menjelang tahun 2045.

STABIL • MAKMUR • INKLUSIF

10 KOMITMEN UTAMA PAKATAN HARAPAN UNTUK NEGERI SEMBILAN

01

**Kerajaan Stabil,
Bersih Dan
Mesra Rakyat**



Orang ramai hanya akan berupaya membina keluarga dan menikmati hidup yang lebih selesa apabila suasana politik kita damai bertunjangkan kerajaan yang kukuh.

HARAPAN bertekad mengekalkan sebuah kerajaan yang stabil, telus, berwibawa dan bebas rasuah supaya pembangunan dapat diteruskan tanpa gangguan demi kepentingan rakyat.



Memperkasakan Skim Sejahtera Rakyat (SSR)

Pembangunan hanya benar-benar bermakna apabila tiada Anak Negeri Sembilan yang tercicir. Melalui pengukuhan Skim Sejahtera Rakyat (SSR) dengan penambahbaikan kadar bantuan tunai secara one-off, HARAPAN komited menyantuni Anak Negeri Sembilan di setiap fasa kehidupan, daripada kelahiran hingga ke usia emas.

PENDIDIKAN

Bayi baharu lahir — caruman SSPN	RM 200
Pelajar Sekolah Berasrama Penuh *	RM 500
Bantuan Anak Sekolah (RM70 × 11 bulan) *	RM 770
Biasiswa Anak Negeri *	RM 700
Pelajar SPM (Straight A+)	RM1,000
Pelajar STPM (GPNK 4.00)	RM1,000
Pelajar IPT — Sijil *	RM 500
Pelajar IPT — Diploma *	RM 750
Pelajar IPT — Diploma STEM *	RM1,000
Pelajar IPT — Ijazah Sarjana Muda *	RM1,200
Pelajar IPT — Ijazah Sarjana Muda STEM *	RM1,500
Bantuan Sara Hidup IPTA (RM200 × 12 bulan) *	RM2,400
Sumbangan Komputer Riba *	Ditanggung Sepenuhnya
Graduan kelas pertama	RM5,000

KELUARGA & WARGA EMAS

Belia berkahwin kali pertama	RM500
Ibu tunggal berpendapatan bawah RM4,000	RM200 / thn
Warga emas 65 – 69 tahun	RM200 / thn
Warga emas 70 tahun ke atas	RM300 / thn

KESIHATAN

Bantuan Pesakit Kanser	RM1,000
Bantuan Pembelian Peralatan Orthopedik *	Ditanggung Sepenuhnya
Bantuan Dialisis (Pembedahan Tapak Fistula)	RM3,000

* Pendapatan isi rumah <RM8,000

03

Ekonomi Berdaya Saing & 30,000 Peluang Pekerjaan Bergaji Tinggi



Masa depan anak-anak Negeri Sembilan mesti dibina dengan asas pekerjaan yang lebih baik, gaji yang lebih bermaruah, dan ekonomi yang lebih kukuh. Melalui **Malaysia Vision Valley 2.0**, HARAPAN akan membuka lebih banyak ruang pelaburan, membangunkan industri berteknologi tinggi, dan mewujudkan **30,000 peluang pekerjaan berkualiti** supaya rakyat tidak perlu lagi berhijrah jauh untuk mencari rezeki.

04

Pendidikan Berkualiti untuk Semua



HARAPAN komited memastikan setiap anak Negeri Sembilan mendapat peluang pendidikan yang berkualiti, inklusif, dan selari dengan keperluan masa depan dengan membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah dan sederhana. HARAPAN juga akan menambahbaik skim **Biasiswa Anak Negeri** dan **Bantuan Anak Sekolah**.

05

20,000 Rumah Mampu Milik dan Penyelesaian Isu Tanah



Memiliki rumah sendiri adalah impian besar setiap keluarga. HARAPAN bertekad membina **20,000 unit rumah mampu milik** dan membantu lebih ramai rakyat mendapatkan kediaman yang selesa, selamat dan mampu dimiliki. Pada masa yang sama, penyelesaian isu tanah akan terus diberi perhatian supaya hak dan masa depan rakyat terjamin, dan meneruskan inisiatif **Rumah Harapan**.

Belia, Wanita dan Keluarga Diberi Keutamaan



Keluarga yang bahagia adalah tunjang masyarakat yang harmoni. HARAPAN akan melaksanakan **Program Kepimpinan Belia (Upaya@9)**, memperluaskan program pemerkasaan wanita **WADANI**, dan menyediakan peruntukan khas perkukuh institusi keluarga serta penubuhan **Tabung Usahawan Belia (TUB)**.

Pembangunan Pelancongan dan Warisan Adat, Kemajuan Seimbang Bandar dan Luar Bandar serta FELDA



Kemajuan mesti dinikmati oleh semua rakyat, bukan hanya tertumpu di bandar besar. HARAPAN akan melaksanakan **Pelan Pelancongan Negeri Sembilan 2030** dan memperkasa **Dana Kebudayaan dan Warisan Negeri** melalui inisiatif **Tourism, Arts and Culture @ Negeri Sembilan (TAC@N9)** bagi membangunkan sektor pelancongan dan kebudayaan negeri. Usaha pemerkasaan Adat Perpatih juga diteruskan dengan penganjuran **Perpatih Fest** dan **penyelarasan elaun** bagi ketua-ketua adat.

HARAPAN juga akan memastikan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berjalan lancar bagi **menjayakan Pelan Pembangunan FELDA di Negeri Sembilan**.

Pertanian Moden dan Keterjaminan Makanan



Pemodenan sektor pertanian akan dipacu dengan dengan pelaksanaan **Pelan Pertanian Pintar Negeri Sembilan** dan perluasan **Program Petani Muda**. Bagi menyokong usaha ini, HARAPAN akan terus memperkemas **pengurusan tanah pertanian** bagi menggalakkan petani dan pengusaha agromakanan melabur dalam operasi bernilai tinggi.

Infrastruktur Strategik dan Perkhidmatan Kesihatan Berkualiti

HARAPAN akan merealisasikan **Pelabuhan Antarabangsa Port Dickson**, **Landasan Bypass Senawang–Port Klang** dan **Seremban Sentral** selain **menambah kekerapan komuter dua hala antara Seremban dan Kuala Lumpur** sebagai pemangkin baharu sektor perindustrian dan logistik negeri serta **Hospital Bandar Enstek** bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

Perpaduan Agama, Keharmonian dan Kemajuan untuk Semua

HARAPAN akan terus memelihara keharmonian masyarakat majmuk, memperkukuhkan syiar Islam sebagai agama Persekutuan, memelihara kebebasan beragama serta memastikan setiap rakyat menikmati manfaat pembangunan secara adil dan saksama.

Menyemarakkan syiar Islam dengan **memperkasa peranan masjid dan surau sebagai pusat pembangunan umat** berteraskan Maqasid Syariah, **menambah baik prasarana sekolah menengah agama**, meneruskan **Dana Hal Ehwal Bukan Islam (HEBI)**, serta memperkasa **Kampung Baru dan Kampung Tradisi** di Negeri Sembilan.

Selaras dengan hasrat ini, HARAPAN juga akan melaksanakan **Program Komuniti Harmoni** bagi mengukuhkan perpaduan rakyat yang menjadi kekuatan Negeri Sembilan dan memperkukuhkan **Dana Sokongan Perayaan Pelbagai Budaya**.



MENJAYAKAN 5 PROJEK BERIMPAK TINGGI BERSAMA KERAJAAN PUSAT

01

Menjayakan Seremban Sentral & Kekerapan Komuter Seremban-KL

Melaksanakan Projek TOD (Transit-Oriented Development) untuk memudahkan anak Negeri Sembilan berulang alik Seremban-Kuala Lumpur dan menambah kekerapan komuter dua hala antara Seremban dan Kuala Lumpur.

02

Menjayakan Hospital Baharu di Bandar Enstek, Nilai

Meningkatkan kapasiti perkhidmatan kesihatan, mengurangkan kesesakan hospital sedia ada dan menyediakan akses rawatan yang lebih berkualiti kepada rakyat.

03

Pelabuhan Antarabangsa Baharu Port Dickson

Merencanakan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti baharu dan menarik pelaburan antarabangsa ke Negeri Sembilan.

04


Pembinaan Rumah Kedua Di Lot Kediaman FELDA

Memudahkan pembinaan rumah kedua (meminda akta) bagi generasi kedua dan ketiga FELDA di dalam kawasan tanah milik mereka serta mempermudah kelulusan bekalan air ke rumah generasi kedua dan ketiga FELDA.

05

Merealisasikan Landasan Bypass Senawang-Port Klang

Meningkatkan keterhubungan rel sebagai pemangkin baharu sektor perindustrian dan logistik negeri.





TERAS

01

EKONOMI BERDAYA SAING, PEKERJAAN BERGAJI TINGGI

KOMITMEN

Pakatan Harapan akan memastikan Negeri Sembilan terus menjadi destinasi pilihan pelabur, hab industri berteknologi tinggi dan pusat pertumbuhan ekonomi baharu negara.

1. Melaksanakan **Pelan Ekonomi Negeri Sembilan 2045**.
2. Mewujudkan **30,000 peluang pekerjaan** berkualiti dan bergaji tinggi dalam 5 tahun.
3. Membangunkan **Koridor Ekonomi Strategik Timur Negeri Sembilan** sebagai pemangkin pembangunan kawasan tengah dan timur Negeri Sembilan.
4. Memperluaskan pembangunan industri semikonduktor, aeroangkasa, pusat data, ekonomi digital, logistik dan teknologi hijau.
5. Menubuhkan **Dana Transformasi PKS** bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana meningkatkan produktiviti serta daya saing.
6. Memperluaskan Program Usahawan Muda Negeri Sembilan serta memperkukuh **TUNS 2.0** (Tabung Usahawan Negeri Sembilan).
7. Menyediakan liputan internet berkelajuan tinggi di seluruh Negeri Sembilan termasuk kawasan luar bandar.
8. Merealisasikan pembinaan **Landasan Bypass Senawang–Port Klang** sebagai **pemangkin baharu sektor perindustrian, logistik dan perdagangan Negeri Sembilan**, sekali gus meningkatkan daya saing negeri dalam menarik pelaburan dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Selain menambah kekerapan komuter dua hala antara Seremban dan Kuala Lumpur.



TERAS

02

KOS SARA HIDUP DAN KEBAJIKAN RAKYAT

KOMITMEN

Pakatan Harapan percaya hasil pembangunan mesti dinikmati oleh seluruh rakyat tanpa mengira kaum, agama atau latar belakang.

1. Memperkasa **Skim Sejahtera Rakyat (SSR)**.
2. Memperluaskan **Program Makanan Asas Mampu Milik**.
3. Menambah baik bantuan pendidikan anak Negeri Sembilan.
4. Meningkatkan **bantuan am serta elaun sara hidup** Orang Kurang Upaya (OKU).
5. Melaksanakan **Program Kesihatan Komuniti** dan **Klinik Bergerak** di seluruh negeri.
6. Memperkukuh bantuan kepada ibu tunggal dan golongan rentan.
7. Menjayakan pembinaan **Hospital Awam** di bandar Enstek Nilai dan **menambahbaik fasiliti Hospital Tuanku Jaafar Seremban** bagi meningkatkan kapasiti perkhidmatan kesihatan, mengurangkan kesesakan hospital sedia ada dan menyediakan akses rawatan yang lebih berkualiti kepada rakyat.
8. Menambah bantuan kesihatan untuk masyarakat luar bandar dan pedalaman.



TERAS

03

PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

KOMITMEN

Pendidikan merupakan pelaburan terbaik untuk masa depan negeri. Pakatan Harapan komited memastikan setiap anak Negeri Sembilan mendapat peluang pendidikan yang berkualiti, inklusif dan selari dengan keperluan ekonomi masa hadapan.

1. Meneruskan bantuan kepada Sekolah Kebangsaan, Sekolah Agama, Tahfiz (Pondok), SJKC, SJKT, Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Persendirian Cina serta institusi pendidikan lain secara adil dan inklusif.
2. Menambah baik skim Biasiswa Anak Negeri dan Bantuan Anak Sekolah.
3. Memperluaskan pendidikan TVET bagi memenuhi keperluan industri berteknologi tinggi dan mempromosikan kebolehan pasaran graduan TVET.
4. Pendidikan percuma untuk semua pelajar TVET di Kolej Yayasan Negeri Sembilan.
5. Melaksanakan Program Literasi Digital dan Kecerdasan Buatan (AI) untuk pelajar dan belia.
6. Menyediakan program tuisyen percuma kepada pelajar daripada keluarga B40 dan M40.
7. Menubuhkan Pusat Bakat dan Kemahiran Ekonomi Digital bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi.
8. Memperkukuh kerjasama antara institusi pendidikan, industri dan pelabur bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.



TERAS

04

BELIA, WANITA DAN KELUARGA

KOMITMEN

Pakatan Harapan percaya belia adalah pemimpin masa depan, wanita adalah tonggak pembangunan masyarakat dan institusi keluarga perlu terus diperkukuh.

1. Melaksanakan **Program Kepimpinan Belia (Upaya@N9)** bagi melahirkan generasi pemimpin yang berintegriti dan berdaya saing.
2. Memperluaskan program **pemeriksaan wanita WADANI** melalui latihan kemahiran, keusahawanan dan pembangunan kerjaya.
3. Peruntukan khas **memperkukuhkan institusi keluarga** di peringkat negeri.
4. Memperkasa pembangunan sukan negeri melalui penyediaan kemudahan yang lebih berkualiti melalui initiative **Sukan@N9**.
5. Menggalakkan inovasi, ekonomi kreatif dan keusahawanan dalam kalangan belia.
6. Memperluaskan peluang penyertaan belia dalam proses membuat keputusan di peringkat komuniti dan kerajaan tempatan.



TERAS

05

PERUMAHAN DAN PEMILIKAN HARTANAH

KOMITMEN

Pakatan Harapan komited memastikan setiap keluarga mempunyai peluang memiliki kediaman yang selesa dan mampu dimiliki.

1. Membina **20,000 unit Rumah Mampu Milik** di seluruh Negeri Sembilan dalam 5 tahun, selain meneruskan inisiatif Rumah Harapan.
2. Mempergiatkan **usaha penyelesaian isu tanah**, geran dan hak milik.
3. Memudahkan urusan pertukaran syarat tanah serta pengeluaran hak milik.
4. Meneruskan proses **penukaran status tanah kediaman daripada pajakan kepada pegangan selama-lamanya** mengikut dasar dan syarat yang ditetapkan terdahulu.
5. Menambah baik kemudahan asas, kawasan rekreasi, taman permainan dan infrastruktur di kawasan perumahan sedia ada.
6. Mempertingkatkan **Peruntukan Skim Jual Beli Rumah Mampu Milik Type A** melalui inisiatif RMM@N9.

TERAS 06

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN FELDA

Pakatan Harapan komited memastikan pembangunan yang dinikmati di kawasan bandar turut dirasai oleh rakyat di luar bandar, FELDA dan pekan-pekan kecil supaya tiada kawasan yang tercicir daripada arus pembangunan.

KOMITMEN

1. Bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk menjadi pelengkap kepada pelaksanaan **Pelan Pembangunan FELDA di Negeri Sembilan** termasuk jaminan asas seperti bekalan air yang mencukupi, berkualiti dan berterusan demi kesejahteraan serta kesejahteraan hidup rakyat.
2. Menyediakan infrastruktur luar bandar yang berkualiti termasuk jalan raya, bekalan air, elektrik dan internet.
3. Memperluaskan **Program Usahawan Desa** bagi meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.
4. Memperkasa **Bahau, Kuala Pilah, Tampin dan Klawang** sebagai pusat pertumbuhan ekonomi baharu.
5. Menambah baik kemudahan asas seperti dewan orang ramai, gelanggang sukan, kemudahan komuniti dan pasar.
6. Memperkukuh jaringan pengangkutan serta hubungan antara bandar dan luar bandar bagi merangsang pertumbuhan ekonomi wilayah.
7. Generasi Kedua dan Ketiga FELDA dibenarkan untuk **membina rumah kedua** di dalam lot tanah FELDA milik ibubapa mereka.



TERAS

07

PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KOMITMEN

Sektor pertanian akan terus diperkasakan sebagai antara pemacu utama ekonomi Negeri Sembilan serta menjamin bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyat.

1. Melaksanakan **Pelan Pertanian Pintar Negeri Sembilan**.
2. Memperluaskan **Program Petani Muda**.
3. Menggalakkan pembangunan industri agromakanan bernilai tinggi.
4. Memperluaskan penggunaan teknologi moden, automasi dan '**Precision Agriculture**'.
5. Memperkukuh rantai bekalan makanan dan pemasaran hasil pertanian tempatan.
6. Membina pusat pengumpulan (hab) hasil pertanian.



TERAS

08

PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN WARISAN

KOMITMEN

Pakatan Harapan akan membangunkan sektor pelancongan sebagai pemacu ekonomi baharu sambil memelihara identiti dan warisan Negeri Sembilan.

1. Melaksanakan **Pelan Pelancongan Negeri Sembilan 2030**.
2. Memperkasa Port Dickson sebagai **destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa**.
3. Memperkasakan **Dana Kebudayaan dan Warisan Negeri** melalui inisiatif **TAC@N9**.
4. Memelihara serta memperkasa **Adat Perpatih** sebagai warisan kebanggaan Negeri Sembilan dan **meneruskan Penganjuran Perpatih Fest**.
5. Memperkukuh institusi adat, termasuk mempertimbangkan **penyelarasan elaun bagi ketua-ketua adat**.
6. Menyokong aktiviti kebudayaan, kesenian dan warisan semua kaum.
7. Memperluaskan produk pelancongan berasaskan ekopelancongan, agro-pelancongan, sukan dan kebudayaan.



TERAS

09

KERAJAAN CEKAP, STABIL DAN BERINTEGRITI

Kerajaan yang stabil merupakan asas kepada pembangunan ekonomi, keyakinan pelabur dan kesejahteraan rakyat.

KOMITMEN

1. Menjamin kerajaan yang stabil, telus dan fokus kepada pembangunan.
2. Memperluaskan **Pelan Kerajaan Digital 2.0** bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.
3. Memperluaskan **Program Kaunter Bergerak Komuniti** ke seluruh Negeri Sembilan.
4. Memperkukuh tadbir urus yang bersih, telus dan bebas rasuah.
5. Menambah baik sistem respons pantas terhadap aduan rakyat.
6. Menyediakan saluran komunikasi yang lebih efektif antara kerajaan dan rakyat di setiap DUN.
7. Memperkasakan penyampaian perkhidmatan awam yang cepat, cekap dan mesra rakyat.
8. Pengisytiharan harta bagi Menteri Besar dan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk mengekalkan ketelusan dan integriti.
9. Mesyuarat penuh Pihak berkuasa Tempatan dibuka kepada orang awam dan siaran langsung perjalanan sidang Dewan Undangan Negeri.



TERAS

10

PERPADUAN AGAMA, KEHARMONIAN, DAN KEMAJUAN UNTUK SEMUA

Perpaduan Keharmonian Agama
Dan Keterangkuman

KOMITMEN

Pakatan Harapan akan terus mempertahankan perpaduan, keharmonian dan sikap saling menghormati yang menjadi kekuatan Negeri Sembilan.

1. Mempertahankan masyarakat majmuk dan kebebasan beragama sebagaimana yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.
2. Meneruskan penyediaan Dana Hal Ehwal Bukan Islam (HEBI).
3. Melaksanakan Program Komuniti Harmoni bagi memperkukuh perpaduan rakyat.
4. Memperkasa pembangunan Kampung Baru dan perkampungan tradisi.
5. Mengukuhkan hubungan antara kaum melalui program perpaduan, kebudayaan dan kemasyarakatan.



10.1

Hal Ehwal Islam Dan Pembangunan Ummah

KOMITMEN

Pakatan Harapan akan terus memartabatkan Islam sebagai agama Persekutuan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

1. Menyemarakkan syiar Islam serta memperkukuh institusi Islam negeri.
2. Memperkasa peranan masjid dan surau sebagai pusat pembangunan ummah.
3. Memperluaskan program pendidikan, dakwah dan kebajikan Islam.
4. Memperkasakan ekonomi ummah, golongan asnaf serta institusi wakaf.
5. Meneruskan dasar pembangunan umat berteraskan Maqasid Syariah.
6. Menambahbaik prasarana sekolah menengah agama di Negeri Sembilan.



10.2

Masyarakat Orang Asli Dan Keterangkuman

KOMITMEN

1. Mempertingkatkan taraf sosioekonomi, pendidikan dan kebajikan masyarakat Orang Asli.
2. Memelihara adat, budaya dan warisan orang asli Negeri Sembilan.
3. Memperkukuhkan Dana Sokongan Perayaan Pelbagai Budaya.

BERSAMA MEMBINA NEGERI SEMBILAN MAJU 2045



Negeri Sembilan hari ini berada pada landasan yang betul. Kestabilan politik telah membolehkan kita mencipta rekod pelaburan tertinggi dalam sejarah negeri, menarik peluang pekerjaan baharu, memperkukuh kebajikan rakyat serta membina asas ekonomi yang lebih kukuh.

Pakatan Harapan tidak sekadar menawarkan janji, tetapi meneruskan usaha yang telah terbukti membawa hasil. Manifesto ini merupakan komitmen kami untuk membina sebuah Negeri Sembilan yang lebih maju, makmur dan inklusif menjelang tahun 2045.

Dengan mandat rakyat, kami akan meneruskan agenda pembangunan, memperkukuh ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat, menyediakan peluang yang lebih luas kepada generasi muda serta memastikan setiap daerah menikmati pembangunan yang seimbang.

Bersama-sama, marilah kita mengekalkan sebuah kerajaan yang stabil, bersih dan berintegriti demi masa depan Negeri Sembilan yang lebih gemilang.

KEKAL HARAPAN
STABIL • MAKMUR • INKLUSIF